

APLIKASI *INTERPRETIVE STRUCTURAL MODELING* UNTUK PEMBINAAN MODEL ELEMEN NILAI-NILAI KEMANUSIAAN DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

***Saedah binti Siraj**

Abdul Halim bin Masnan

Azli bin Ariffin

Masayu binti Dzainudin

Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**saedah@fpm.upsi.edu.my*

Nurul Ain Norman

International Institute of Advanced Islamic Studies

Zaharah Hussin

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Abstract: Previous studies have shown that there is a significant effect of a child's educational experience on one's self-development, especially on how the human values being educated during childhood. Therefore, the objective of this study is to obtain the main elements of humanistic values among children that underpinning the early childhood education curriculum. The elements of humanistic values among children were identified by mapping the literature review approach and analyzed through Interpretive Structural Modeling (ISM) and the Cross-Impact Matrix Multiplication Applied to Classification (MICMAC) methodologies. The ISM model presented the relationships between nineteen elements and their benchmarking position from higher to lower-level significant element in hierarchy. MICMAC is used to examine the strength of the relationship between those elements based on their driving and dependence power. The results provide a more meaningful way of selecting humanistic values elements for establishment of a new curriculum for children.

Keywords: *Interpretive Structural Modeling; Reachability Matrix; MICMAC Analysis; Element Of Human Values*

PENDAHULUAN

Banyak perubahan telah berlaku pada abad 21 dalam pelbagai aspek. UNICEF (2009) telah menjalankan kajian terhadap kesejahteraan kanak-kanak dalam kalangan 21 negara di dunia dan mendapati salah satu kebimbangan dunia ialah pertambahan jumlah remaja di dalam penjara. Kajian-kajian terdahulu juga banyak menunjukkan terdapat kesan yang signifikan terhadap pengalaman pengasuhan kanak-kanak semasa kecil kepada perkembangan individu termasuklah remaja. Perkembangan kehidupan sekarang ini juga adalah lebih mencabar dan cenderung kepada keruntuhan nilai-nilai moral, disebabkan oleh perubahan sosial, perubahan demografi, perkembangan ekonomi dan juga perkembangan politik. Bagaimanapun, terdapat perbagai usaha untuk menentukan kanak-kanak hidup dalam keadaan damai dan sejahtera contohnya seperti dalam deklarasi *UN Convention on the Right of the Child 2008* menyatakan bahawa kesemua kanak-kanak mempunyai hak dan kebebasan untuk mendapat kecukupan nutrisi, penjagaan kesihatan, pendidikan dan kebebasan daripada penderaan dan penindasan. Usaha ini telah memberikan stimulasi kepada perkembangan baru dalam membina satu kerangka atau pembinaan indikator pemantauan kesejahteraan kanak-kanak (Bellotti, 2009; Bradshaw & Richardson, 2009). Bertitik tolak daripada usaha-usaha sedemikian, jelaslah bahawa pendidikan memerlukan satu rekabentuk kurikulum yang berasaskan kepada pembinaan nilai-nilai kemanusiaan itu sendiri. Oleh itu artikel ini akan membincangkan persoalan utama mengenai elemen-elemen pembinaan nilai-nilai kemanusiaan yang boleh digunakan dan dijadikan asas rekabentuk kurikulum baru dalam pendidikan kanak-kanak.

Matlamat Pembinaan Kurikulum Berasaskan Nilai-Nilai Kemanusiaan (KBN2K) adalah untuk menghasilkan murid-murid yang mempunyai asas nilai-nilai kemanusiaan bagi menyediakan mereka dengan bekal kehidupan yang bermakna serta sejahtera dari segi fizikal dan mental. Oleh itu kajian ini bertujuan menghasilkan elemen utama nilai-nilai kemanusiaan untuk membentuk Kurikulum Berasaskan Nilai-Nilai Kemanusiaan (KBN2K).

Kepentingan Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Pendidikan Kanak-Kanak

Nilai-nilai kemanusiaan tidak akan wujud dengan sendiri tanpa proses pendidikan sepertimana majoriti tokoh pendidikan mempersetujui bahawa nilai-nilai kemanusiaan ini memerlukan corak pendidikan yang tersendiri. Pendidikan berasaskan nilai-nilai kemanusiaan boleh dilihat daripada tiga pendekatan iaitu pendekatan pendidikan rohani, pendidikan akhlak, dari pendekatan falsafah.

Jika ditinjau dari pendekatan pendidikan rohani, Kamus Dewan (1994) mendefinisikan rohani dengan merujuk kepada roh iaitu bahagian dalam manusia yang mempunyai daya fikir, berperasaan dan berkemahuan. Dengan perkataan lain, ia juga disebut dengan makna jiwa dan batin. Perbincangan mengenai pendidikan rohani yang menjadi asas kepada nilai-nilai kemanusiaan membincangkan akhlak sebagai satu tingkahlaku yang muncul dari dalaman atau rohani seseorang (Ibn Miskawayh w. 421/1030 (1966), Fakhry 1991, Al-Ghazali t.th., *The Encyclopedia of Islam* 1960, *al-Mu'jam al-Wasit* (1972), Hamzah 1983, Mohd Nasir 1986, Amin t.th., Asmara 1992, Ab. Halim Masnan 2000, Saedah Siraj 2003 dan A-Habsyi t.th). Untuk itu, pembinaan akhlak adalah bermula daripada pembentukan rohani atau jiwa seseorang. Akhlak mulia yang telah terbina dalam diri seseorang juga akan menguatkan rohani dan jiwanya. Manakala Mazhahiri (1993) konsep akhlak, roh, nurani dan hati, menganggapnya mempunyai makna yang sama. Justeru itu, perbincangan berkaitan pendidikan akhlak akan mengaitkan juga konsep roh dan nafsu manusia (Al-Ghazali t.th.). Ini ekoran akhlak mulia itu berakar umbi daripada sifat kerohanian yang suci (Tajul Ariffin 1997). Tabatabaie (1991) pula dalam membincangkan perihal roh, beliau terlebih dahulu membahaskan tentang "*nafs*" iaitu diri manusia serta roh dalaman yang ada pada manusia dan merujuk kepada aliran darah manusia itu sendiri.

Justeru itu, berdasarkan pandangan dan kajian pakar terdahulu, perbincangan berkaitan pendidikan akhlak adalah juga melibatkan pendidikan rohani manusia kerana akhlak yang mulia adalah muncul dari jiwa atau rohani yang bersih. Sementara akhlak yang jahat semestinya muncul dari rohani yang diselimuti kejahatan. Justeru, Rasulullah s.a.w. yang diutus kepada umat manusia adalah menjadi contoh tauladan dalam mengutamakan unsur roh sepanjang menjalani kehidupan ini. Bagindalah merupakan model akhlak mulia yang sebenar-benarnya kepada manusia. Isu mengenai nilai-nilai kemanusiaan yang berkait rapat dengan pendidikan rohani dan pendidikan akhlak, masih belum diperdebatkan dengan serius. Ketiga-tiga istilah tersebut mempunyai tinda-tindakan dalam perincian makna.

Al-Ghazali (t.th.) mendefinisikan pendidikan berasaskan nilai-nilai kemanusiaan itu juga adalah dekat dengan **pendidikan kerohanian** itu sebagai proses atau latihan mendisiplinkan aspek spiritual dan fizikal seseorang manusia dan ini melibatkan penguasaan ilmu dan perubahan personaliti ke arah memiliki akhlak yang mulia. Bukan itu sahaja, malah Al-Ghazali menambah bahawa proses tersebut melibatkan aspek-aspek *mujahadah*, menyucikan jiwa, *riyadhah* dan menjernihkan akhlak. Sehubungan itu, Mazhahiri (1993) mengulas maksud proses pendidikan rohani adalah penyucian diri seseorang manusia terutamanya seorang yang menjadi pendidik, pemimpin atau ketua golongan muda sepatutnya terlebih dahulu berusaha menyucikan diri sebelum menyucikan jiwa-jiwa dibawah didikannya.

Dalam perbincangan pendidikan nilai-nilai kemanusiaan dari sudut pandangan ilmu falsafah penekanan adalah diberikan kepada kedua-dua aspek iaitu minda dan jiwa. Hampir semua ahli falsafah Muslim mempunyai pandangan yang sama dengan perkara ini seperti pandangan oleh al-Farabi, al-Kindi, Ibn Khaldun, Ibn Sina, al-Ghazali, Mulla Sadra, al-Jurjaini dan lain-lain. Al-Farabi (872-951), sebagai contoh, dalam penerangan beliau bahawa jiwa manusia, terdiri daripada empat fakulti iaitu: *appetitive*, sensitif, imaginatif, dan rasional. Beliau mentakrifkan fikiran sebagai kuasa dalam mengenal pasti penghakiman benar dari satu set pendapat yang terlibat. Ibn Sina (980-1307) memperkenalkan minda sebagai fakulti jiwa yang menjadikan ia bersedia untuk memperolehi maklumat, maksud dan pendapat. Ibn Sina dianggap salah seorang ahli falsafah terkenal yang telah mengkaji dengan teliti mengenai jiwa seperti dalam bukunya *Al-Shifaa* (The Remedy). Beliau mentakrifkan jiwa sebagai kesempurnaan utama manusia kerana ia melengkapkan diri manusia itu sendiri untuk menjadi dirinya yang sedia ada. Beliau berhujah bahawa jiwa petah berbicara secara dalaman yang menjadikan bukti bahawa fikiran yang mungkin berbeza dari badan. Manakala, Sadr-ol-Mote'lehin/Mulla Sadra (1571-1641) berpendapat bahawa jiwa manusia adalah minda. Beliau mempunyai teori inovatif pembuktian sendiri bahawa walaupun jiwa manusia akhirnya menjadi tidak penting dalam perjalanan tertentu pembangunannya, ia adalah zahir pada permulaan penciptaannya dan dilahirkan dari badan. Ibn Rushd (1126-1198) mentakrifkan jiwa sebagai kesempurnaan yang paling utama bagi badan dalam bentuk mekanikal normal. Ibn Miskawayh (c 932-1030) mendefinisikan jiwa sebagai intipati mudah yang tidak boleh dikesan oleh mana-mana sensor manusia dan mempunyai sifat yang sama dengan badan secara keseluruhan atau sebahagian, tetapi mempunyai beberapa perbezaan fungsi. Miskawayh mengulangi kata-kata Plato bahawa jiwa manusia mempunyai tiga kuasa: petah berbicara, bersifat memberontak, dan yang berkeinginan. Abubakr-e Mohamad-e Zakariyya-ye Razi (854-932) dalam bukunya mengenai perubatan rohani, menyebut pendapat mengenai psikologi Plato dan membuat takrifan bahawa manusia mempunyai tiga jiwa: jiwa Ilahi petah berbicara, jiwa haiwan dalam mengamuk, dan jiwa vegetarian dengan

kelembutan. Kedua-dua jiwa haiwan dan vegetarian telah ditubuhkan bagi satu fungsi iaitu petah berbicara. Al-Ghazali (1058-1111) berpendapat bahawa akal adalah fakulti rasional asas, yang membolehkan manusia secara umumnya membentuk konsep dan menimba ilmu. Beliau juga berhujah bahawa jiwa mempunyai untuk pergi melalui peringkat untuk mencapai kesempurnaan. Al-Ghazali memperkenalkan dua jenis jiwa: satu berkaitan dengan kuasa-kuasa haiwan dan satu lagi jiwa kemanusiaan (insentif dan perseptif). Dalam jenis kedua jiwa, bagaimanapun, Al-Ghazali berkaitan dengan perjalanan jiwa, disiplin moral, dan mengubati akhlak yang buruk. Penggunaan istilah oleh Al-Gazali, bagaimanapun, menunjukkan pengaruhnya terhadap Ibnu Sina dari segi falsafah.

Proses pendidikan yang berlaku dengan sempurna dan berjaya melahirkan anak didik yang berakhlak mulia, dilambangkan oleh Mazhahiri (1993) dan Amini (1997) sebagai telah berjaya menghidupkan manusia seluruhnya. Justru, pendidikan yang bersifat kerohanian yang mengandungi unsur-unsur kemanusiaan adalah sebagai proses penyucian jiwa, proses pengembangan dan penyempurnaan jiwa.

Hasil pendidikan yang berjaya adalah pendidikan yang melahirkan manusia yang memiliki jiwa yang tenang yang berpusat kepada Tuhannya; sentiasa redha dengan apa yang ditentukan; dia melihat dirinya sebagai hamba yang sentiasa beribadah dengan keikhlasan sebenar; melihat dunia sebagai persinggahan dengan menganggap segala kekayaan, kemiskinan, kebaikan dan keburukan sebagai cubaan semata, bahkan sentiasa tetap dalam ibadah tanpa berpaling sedikit pun daripada jalan kebenaran-Nya (Tabatabai'e, 1991 ; jilid 6;323).

Ini jelas bahawa persoalan mendidik kanak-kanak dengan nilai-nilai kemanusiaan merupakan satu aspek utama yang mesti dititikberatkan. Amuli (2001) menyatakan bahawa manusia yang sempurna bukan sahaja akan menampilkan aspek fizikalnya semata-mata. Perjalanan hidup kanak-kanak perlu bermula dengan penanaman nilai-nilai kemanusiaan yang mulia. Perkara ini juga diakui oleh para sosiologi dan antropologis barat yang membuat kesimpulan bahawa kehidupan di peringkat awal kanak-kanak dibudayakan oleh pengasuhan yang intim, sentuhan dan kedekatan orang lain disisinya, perhatian oleh saudara sekeliling, pengalaman mengenai respon dan tidakbalas terhadap permintaan dan tangisannya, kegembiraan dalam kumpulan pelbagai umur kanak-kanak, dan penyusuan ibu sewaktu kecil.

Kesimpulannya istilah nilai-nilai kemanusiaan dari sudut pendidikan rohani, pendekatan akhlak dan pendidikan nilai-nilai kemanusiaan adalah bertujuan mencapai kesempurnaan diri manusia itu sendiri supaya kedekatannya dengan Allah s.w.t memberi makna dan membuahkan hasil kecemerlangan dalam hidup.


OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk menghasilkan sebuah model Elemen Nilai-Nilai Kemanusiaan bagi kanak-kanak dengan menggunakan Kaedah *Interpretive Structural Modeling (ISM)*. Melalui kaedah ISM, 3 soalan kajian dibentuk iaitu:

1. Apakah bentuk matrik jangkauan (*Reachability matrix*) dalam penyusunan hirarki terhadap elemen nilai-nilai kemanusiaan dalam pendidikan awal kanak-kanak.
2. Apakah bentuk model elemen nilai-nilai kemanusiaan yang dibangunkan untuk pendidikan awal kanak-kanak.
3. Apakah bentuk analisis MICMAC dalam menentukan klasifikasi daya penggerak dan daya penggantungan terhadap elemen nilai-nilai kemanusiaan dalam pendidikan awal kanak-kanak.

METODOLOGI

Kaedah Interpretive Structural Modeling (ISM) adalah satu kaedah yang direkabentuk oleh pengasasnya John Warfield (1976) untuk membangunkan satu model yang lebih bersifat penyelesaian masalah berstruktur. Kaedah ini merupakan kaedah penyelidikan berbantuan komputer yang membolehkan penyusunan elemen-elemen dalam bentuk hirarki, memperlihatkan hubungan kontekstual di antara elemen-elemen berkaitan serta menghasilkan model yang memperlihatkan peta hubungan di antara elemen-elemen terpilih. Hubungan di antara elemen-elemen berkaitan distrukturkan melalui pengundian yang dijalankan bersama panel pakar. Pada asasnya, ISM menggunakan analisis *pair-wise* untuk mendapatkan penyelesaian kepada isu-isu kompleks melalui konsensus panel pakar yang konkrit sehinggakan dapat mengeluarkan satu struktur hubungan di antara elemen-elemen dalam bentuk model grafik. Langkah melaksanakan ISM boleh dilihat dalam Rajah 1.



Rajah 1. Langkah Pelaksanaan ISM

Responden kajian terdiri daripada 15 orang pakar yang mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan kanak-kanak lebih daripada sepuluh tahun. Kesemua panel pakar yang diambil mempunyai sekurang-kurangnya ijazah Sarjana Muda dan memegang jawatan sebagai profesor dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, pengusaha tadika, perancang dan penggubal kurikulum dan guru prasekolah berpengalaman.

Analisis Matrik Jangkauan (*Reachability Matrix*) pada dasarnya adalah Matriks yang merangkumi keperluan jangkauan. Setiap baris / lajur matriks menunjukkan subnet, dan setiap sel menentukan sama ada subnet baris dapat mencaai subnet lajur. Dalam teori grafik, jangkauan merujuk kepada kemampuan untuk pergi dari satu bucu ke bucu yang lain dalam graf. Dalam kajian ini analisis matrik jangkauan diperolehi daripada data pengundian panel pakar semasa sesi ISM dijalankan.

Model elemen nilai-nilai kemanusiaan adalah model grafik berstruktur yang dihasilkan melalui konsensus panel pakar. ISM menggunakan analisis *pair-wise* untuk menghasilkan Model Elemen Nilai-Nilai Kemanusiaan.

Analisis *MICMAC* iaitu *the Impact Matrix Multiplication Applied to Classification* pulamelibatkan pengembangan grafik yang mengklasifikasikan faktor berdasarkan daya penggerak dan daya pergantungan. Metod ini adalah menggabungkan dua teknik analisis struktur, pemodelan struktur interpretif (ISM) dan pendaraban berdasarkan matriks yang diterapkan pada analisis klasifikasi. Dalam kajian ini pada peringkat awal, pemodelan struktur interpretif (ISM) digunakan untuk mengatur elemen nilai-nilai kemanusiaan menjadi bentuk hierarki sederhana. Seterusnya analisis pendaraban matriks kesan silang (MICMAC) dilaksanakan untuk mengklasifikasikan elemen dari segi kekritisan atau mengikut keutamaannya.

Analisis terhadap **elemen awal** bermula dengan proses pemurnian elemen-elemen oleh panel pakar yang telah memperhalusi dan memurnikan setiap elemen yang dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas termasuk al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (n.d.), Ibn Miskawayh, Ahmad b. Muhammad (1968), Mazahiri, Husain. 1993, Saedah Siraj (2001). Keputusan pemurnian elemen awal terhadap nilai-nilai kemanusiaan yang diperolehi adalah seperti berikut:

Jadual 1

Elemen Untuk Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak

1.	Berkeinginan untuk belajar ^[1] _[SEP]
2.	Berfikiran positif (ke depan) - Sentiasa Positif ^[1] _[SEP]
3.	Rendah Hati (humbleness / menjadi tawaduk) ^[1] _[SEP]
4.	Berkata benar ^[1] _[SEP]
5.	Hati Penuh kasih sayang - Intelek ^[1] _[SEP]
6.	Sukakan suci dan bersih

7.	Amanah dan bertanggung jawab
8.	Hati yang jernih ^[1] _[SEP]
9.	Suka berlindung di rumah (untuk keselamatan)
10.	Sentiasa bersikap sabar ^[1] _[SEP]
11.	Menjaga keselamatan diri (ikut peraturan) ^[1] _[SEP]
12.	Hati penuh kasih sayang - Imajinasi ^[1] _[SEP]
13.	Menjaga harga diri (maruah / tidak meniru) ^[1] _[SEP]
14.	Sentiasa bertolak ansur
15.	Saling hormat menghormati ^[1] _[SEP]
16.	Sentiasa bersyukur (bersederhana) ^[1] _[SEP]
17.	Sentiasa redha ^[1] _[SEP]
18.	Sentiasa bertenang
19.	Bersifat terbuka (menerima pandangan)

Dapatan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa daripada 19 elemen yang dikemukakan menerusi kaedah kajian literatur bersistematik telah diterima oleh panel pakar bagi dimasukkan ke dalam proses *Interpretive Structural Modeling* (ISM). Seterusnya pengkaji menjalankan proses pembangunan model elemen nilai-nilai kemanusiaan untuk pendidikan awal kanak-kanak menerusi kaedah ISM tersebut.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan kajian di bincangkan dalam 3 tema mengikut soalan kajian yang telah ditunjukkan di atas.

Keputusan Reachability Matrix

Pengiraan *Reachability Matrix* atau set persilangan adalah berdasarkan kepada bacaan jangkauan sesebuah elemen atas elemen-elemen yang lain. Pengiraan ini membentuk set persilangan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Keputusan Reachability Matrix

Enabler	Reachability Set	Antecedent Set	Intersection Set	Level
1	16,9,7,12,11,17,1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	III
2	2	2,8,12,11,17	2	VI
3	16,9,7,12,11,17,1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	III
4	16,9,7,12,11,17,1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	III
5	5	5,19,18,8,12,11,17	5	V
6	16,9,7,12,11,17,1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	III
7	7,9,16,1,3,4,6,10,13,15,14,5	7,12,11,17	7	II
8	14,5,18,19,2,8,12,11,17	8,12,11,17	8	III
9	16,1,3,4,6,10,13,15,5,9	9,7,12,11,17	9	II
10	16,9,7,12,11,17,1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	III
11	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11, 12,13,14,15,16,18,19	11,17	11	I
12	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,12,13,14,15,16,18,19	12,11,17	12	I
13	16,9,7,12,11,17,1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	III
14	14,5	8,14,7,12,11,17	14	III
15	16,9,7,12,11,17,1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	1,3,4,6,10,13,15	III
16	1,3,4,6,10,13,15,16	16,9,7,12,11,17	16	II
17	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16, 17,18,19	17	17	I
18	5,18,19	8,12,11,17	18,19	IV
19	5,18,19	8,12,11,17	18,19	IV

Berdasarkan Jadual 2, hiraki elemen awal yang diperolehi dalam Jadual 1 telah berubah kepada kedudukan (*level*) yang baru seperti yang terdapat dalam kolom di sebelah kanan akhir. Untuk mendapat keputusan terhadap hubungan kontekstual dalam kalangan elemen-elemen tersebut, pengundian ISM dijalankan dan keputusannya ialah terhasilnya sebuah model baru seperti yang terdapat dalam Rajah 2.


Model Elemen Nilai-Nilai Kemanusiaan

Berikut merupakan model yang dicadangkan dalam kajian ini bagi membangunkan elemen nilai- nilai kemanusiaan dalam pendidikan awal kanak-kanak yang telah dibangunkan melalui pengundian panel pakar.

Dapatan dalam Rajah 2 menunjukkan bahawa elemen-elemen telah disusun mengikut keutamaan untuk dilaksanakan dalam modul. Dapatan model ISM ini mempersembahkan secara hiraki berdimensi menerusi tahap keutamaan nilai yang perlu diperkenalkan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Berdasarkan keputusan tersebut bagi mendapatkan tahap keberkesanan yang signifikan dalam membangunkan murid menerusi nilai-nilai kemanusiaan, elemen pertama yang perlu diterapkan adalah '17. Hati yang Penuh Kasih Sayang' diikuti nilai '11. Rendah Hati (humbleness) dan seterusnya nilai '12. Berfikiran Positif'.

Tiga tajuk utama ini perlu dikuasai oleh semua murid sebelum nilai-nilai seterusnya dijalankan. Tiga elemen ini mencadangkan kepada pembinaan kurikulum prasekolah. Seterusnya, setelah ketiga-tiga elemen pertama ini diterapkan akan membawa kepada pembangunan nilai yang seterusnya iaitu nilai '7. Hati yang Jernih', seterusnya kepada nilai '9. Sentiasa Bersyukur (bersederhana)' dan membawa kepada nilai '16. Sentiasa Redha' dan '5. Berkata Benar'.

Bagi nilai-nilai selepas nilai '16. Sentiasa Redha', tujuh nilai dalam kotak yang sama, iaitu '1. Sentiasa bertolak ansur', '3. Mengamalkan sifat amanah dan tanggungjawab', '4. Hati yang penuh dengan kasih sayang', '6. Saling hormat menghormati', '10. Sentiasa Bersikap Sabar', '13. Sentiasa Bertenang', dan '15. Bersifat Terbuka (menerima pandangan)' boleh dilaksanakan ke dalam sebuah modul bagi mendapatkan kesan yang baik dan efektif dalam penerapan nilai dalam diri murid.



Interpretive Structural Model - Model Completed

Rajah 2. Model Elemen Nilai-nilai Kemanusiaan

Seterusnya, model ISM ini juga memudahkan para pembangun modul membangunkan modul pendidikan menerusi ilustrasi nilai berdasarkan/selepas nilai 12 'Berfikiran Positif' iaitu nilai '8. Menjaga Harga Diri' seterusnya membawa kepada nilai '18. Menjaga Keselamatan Diri – Ikut Peraturan' dan nilai '19. Suka berlindung di rumah (untuk keselamatan)'. Serentak dengan itu juga nilai '14. Sukakan suci dan bersih' membawa kepada nilai '5. Berkata Benar' serta serentak dengan itu nilai '2. Berkeinginan untuk Belajar' untuk diterapkan kepada murid selepas nilai 8 dilaksanakan.

Analisis MICMAC

Analisis ini dijalankan bagi mengenal pasti elemen yang menjadi Kuasa Pemacu (*Driving Power - DP*) dan tahap sandaran elemen (*Dependent - D*) bagi elemen berkaitan nilai-nilai kemanusiaan yang akan dilaksanakan dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak. Dalam analisis MICMAC, elemen dibahagikan kepada empat kelompok berkenaan dengan daya pendorong dan kuasa pergantungan. Kluster ini adalah: Kluster I: Elemen Autonomi - yang relatif terputus dari sistem dan lemah atau tidak bergantung pada elemen lain; Kluster II: Bergantung elemen-elemen lain, Kluster II terutamanya bergantung kepada elemen lain; Kluster III: Elemen penghubung — elemen yang tidak stabil dan paling mempengaruhi orang lain; dan Kluster IV: Berdikari di mana elemen ini mempunyai pengaruh yang lemah dari elemen lain dan harus diberi perhatian maksimum kerana ianya merupakan elemen utama yang kuat. Rajah 3 menunjukkan keputusan analisis MICMAC.

	Independent Dimension										Linkage Dimension									
19																				
18	17																			
17		11	12																	
16																				
15																				
14																				
13							1,3,4, 6,10, 13,15													
12																				
11				7																
10	Autonomous Dimension ⁹										Dependent Dimension									
9					8															
8						16														
7																				
6																				
5																				
4																				
3				18, 19																
2								14												
1					2		5													
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20

Rajah 3. Keputusan Analisis MICMAC

Berdasarkan kepada Rajah 3, dapatan kuasa pemacu bagi elemen nilai-nilai kemanusiaan dalam model ini jelas melihatkan bahawa sebanyak sebelas elemen adalah dalam *Dimensi Tidak Bersandar (Independent Variable/Dimension)* meliputi elemen 17,11, 12, 7,1,3,4,6,10, 13, dan 15. Dimensi ini menetapkan bahawa elemen mempunyai kuasa pemacu (*Strong Driving Power*) yang kuat dan sandaran yang lemah (*Weak Dependent*). Manakala, bagi dimensi *Autonomous*, dapatan menunjukkan bahawa lapan elemen selebihnya terletak pada Dimensi Autonomus (*Autonomous Dimension*) meliputi elemen 9, 8, 16, 18, 19, 2, 5, dan 14. Dimensi ini menetapkan bahawa elemen mempunyai tahap kuasa pemacu yang lemah serta bersandaran yang lemah.

IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

Hasil kajian ini telah mengenalpasti 19 elemen nilai-nilai kemanusiaan yang perlu dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji mencadangkan ciri-ciri kurikulum baru berasaskan nilai-nilai kemanusiaan seperti berikut:

Kurikulum pendidikan awal kanak-kanak haruslah bertunjangkan kepada pembinaan 19 nilai-nilai kemanusiaan dalam diri kanak-kanak. Pelaksanaan kurikulum dijalankan dengan berpusatkan kepada teknik belajar sambil bermain yang

juga memberi peluang kepada murid untuk belajar melalui pengalaman.

Kurikulum berasaskan nilai kemanusiaan hendaklah memberi perhatian kepada pembinaan diri kanak-kanak melalui “kebaikan” yang dipercayai menjadi tunjang kepada pemancaran nilai-nilai kemanusiaan yang lain dalam kehidupan kanak-kanak. Kebaikan dalam diri dipercayai umpama cahaya yang akan memberi pancaran kepada cahaya-cahaya yang lain.

Selain daripada itu, berasaskan kepada Model Q-Rohani (Saedah Siraj, 2014), yang digunakan sebagai asas dalam merekabentuk pembinaan nilai-nilai kemanusiaan. Model ini menitikberatkan pendidikan yang berasaskan *Al-Quran*, *Quality* (bermutu) dan *Qalb* (jiwa). Ia juga berasaskan kepada 2 tunjang utama iaitu: Unsur kemanusiaan dan kehaiwanan semula jadi dalam diri manusia. Model ini juga menggunakan asas pengkategorian tahap manusia di sisi Allah S.W.T.

Terdapat 2 pembahagian kategori manusia yang menjadi dasar kepada Model Q-Rohani iaitu: i. Kategori Positif (8 golongan daripada peringkat 1-8) ii. Kategori Negatif (8 golongan daripada peringkat 1-8). Kedua-dua kategori positif dan negatif terdiri daripada 8 golongan manusia. Kategori ini membahagikan tahap-tahap yang perlu dicapai oleh seseorang dalam kehidupan ini. Tahap-tahap dalam kategori positif menunjukkan semakin tinggi seseorang dalam peningkatan dalaman dan tingkahlakunya, semakin tinggi tahap dirinya. Model Q-Rohani menggunakan asas pengkategorian ini sebagai kayu ukur pencapaian kecemerlangan seseorang dalam kehidupan dunia dan akhirat yang mempunyai kaitan yang rapat dengan nilai-nilai kemanusiaan itu sendiri. Oleh yang demikian, Model Q-Rohani menjadikan pengkategorian ini sebagai penanda aras dalam pencapaian seseorang. Manakala pengkategorian negatif pula menggambarkan tahap-tahap golongan yang perlu dijauhi. Kanak-kanak perlu diajar untuk menjauhi diri daripada kategori negatif ini bagi menjiwai nilai-nilai kemanusiaan.

Berdasarkan 2 kategori utama dalam model Q-Rohani boleh dijadikan asas dalam pembinaan kurikulum dengan nilai-nilai kemanusiaan. Model Q-Rohani yang diperkenalkan adalah bermaksud pendidikan yang berasaskan *Al-Quran*, pendidikan yang ber*Quality*, serta berfokus kepada *Qalb* yang termaktub di dalamnya semua nilai-nilai manusia terpuji lagi mulia.

Berasaskan model dapatan kajian ini, kurikulum yang berasaskan nilai-nilai kemanusiaan hendaklah memberi fokus kepada pembinaan 4 kategori kuasa dalaman kanak-kanak iaitu: Daya-Intelek, Daya-Imaginasi, Daya-Keinginan dan Daya-Amarah. Di peringkat kanak-kanak pendidikan di pusat-pusat pengasuhan dan prasekolah, kebanyakan pakar dalam bidang ini mencadangkan penggunaan pendekatan *activity-based* dalam pembelajaran mereka. Hal ini boleh membolehkan guru dan pendidik tidak menggunakan istilah kandungan kurikulum tetapi menggunakan “pengalaman-pembelajaran” dalam menentukan aktiviti pembelajaran murid. Berdasarkan kepada hasil kajian ini juga, pengkaji mencadangkan elemen nilai-nilai kemanusiaan di masukkan ke dalam keempat-empat modul tersebut secara terpilih. Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian telah menjawab persoalan mengenai elemen nilai-nilai kemanusiaan yang perlu diterapkan di dalam kurikulum pada peringkat kanak-kanak lagi. Para pengkaji mengenai pendidikan awal kanak-kanak mempunyai pandangan yang berbeza-beza mengenai jumlah elemen yang perlu menjadi asas pendidikan kanak-kanak dan yang telah banyak dibincangkan di dalam literatur dan perdebatan awam. Oleh itu berasaskan kepada kajian empirikal ini, persoalan tersebut telah terungkai dan model elemen nilai-nilai kemanusiaan ini boleh dijadikan sebagai kerangka asas dalam merekabentuk kurikulum baru untuk mendidik kanak-kanak.

RUJUKAN

- At-Tabataba'i, Al-'Allamah as-Sayyid Muhammad Husayn (1991). *Mukh-tasar tafsir Al-Mizan*. cet.1. Shakir, Kamal Mustafa (Penyusun). Bei-rut: Muassasatu'l-A'lamy Li'l-Matbu'
- Abd Rahman, N. H., Mokhtar, A. I., & Aini, Z. (2015). Islam dan Kualiti Peribadi Pengurus. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah Disunting oleh Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor
- Aly, A. (2017). Studi Deskriptif tentang Nilai-Nilai Multikultural dalam Pendidikan di Pondok Pesantren Modern Islam Assalaam. *Jurnal Ilmiah Pesantren*, 1(1 Januari).
- Amini, I. (1997). *An islamic guide for spritual migration*. London U.K.: Alhoda.
- 'Amuli, Jawad. 2001. *Rahsia-rahsia ibadah*. Terj. Jawad Muammar. Bogor: Penerbit Cahaya.
- Belotti, V. (2009). *Survey on child well-being indicators in Italy*. Paper presented at the European seminar on child well-being indicators, Florence, Italy. Retrieved from http://www.childoneurope.org/activities/indicators/well-being_indicators.htm, January.

- Bradshaw, J., & Richardson, D. (2009). An Index of Child Well-Being in Europe. *Child Indicators Research*, 2(3), 319-351.
- Fakhry 1991, Al-Ghazali t.th., *The Encycloapedia of Islam* 1960, *al-Mu'jam al-Wasit* (1972), Hamzah 1983, Mohd Nasir 1986, Amin t.th., Asmara 1992, Ab. Halim Masnan 2000, Saedah Siraj 2003 dan A-Habsyi t.th).al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (n.d.). *Ihyā' 'ulūm al-dīn* (4 vols.). Beirut: Dar Ihya'.
- Ibn Miskawayh, Ahmad b. Muhammad (1968). *Tahdhīb al-akhḷāq wa tathīr al-a'rāq*. Constantine K. Zurayk (Trans.). *The refinement of character*. Beirut: The American University.
- Mazahiri, Husain (1993a) '*Awamil al- saytarah 'ala- ghara'iz fi hayat al-insan*'. Beirut : Dar al-Mahajjah al-Bayda'.
- Mazahiri, Husain. (1993b). *Jihad an-nafs*. Beirut : Dar al-Mahajjah al-Baydhah.
- Mazahiri, Husain. (1994). *al-Fada'il wa al-radha'il fi akhlaq al-usrah wa al-mujtama'*. Beirut : Dar al-Safwah.
- Mazahiri, Husain. (2000a). *Mengendalikan nurani: ajaran Islam dalam mengatasi gejala kecenderungan alamiah manusia*. Terj. Irwan Kurniawan. Jakarta: Penerbit Lentera.
- Nejad, M.B., Rashidi, M., & Oloumni, M.M. (2013). Avicenna's Educational Views with Emphasis on the Education of Hygiene and Wellness. *International Journal of Health Policy and Management*, 1 (3): 201-205).
- Ibn Sina, Abu Ali al-Husayn (1929). *Tadābir al-manāzil aw al-siyāsāt al-ahliyyah*. Baghdad: Al-Fallah.
- Saedah Siraj (2001). *Pendidikan rumahtangga*. Selangor, Malaysia: Alam Pintar.
- Saedah Siraj (2002). *Pendidikan anak-anak*. Selangor, Malaysia: Alam Pintar.
- Tajul Ariffin Nordin & Nor'Aini (1992). *Pendidikan dan wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Tajul Ariffin Nordin. (1997). *Pendidikan dan pembangunan manusia, satu pendekatan bersepadu*. Dalam Prosiding konvensyen kebangsaan: Pendidikan moral dan nilai dalam pembangunan manusia ke arah pembentukan acuan pembangunan negara. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- The Holy Qur'an (1988). Mir Ahmed Ali, S.V.. cet.1. Elmhurst, NY: Tha-rike Tarsile Qur'an, Inc.
- Yaacob, M. F. C., & Rahim, D. N. A. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 74-85.
- UNICEF di <https://www.weforum.org/agenda/2017/06/these-rich-countries-have-high-levels-of-child-poverty/>